



# NOTA TEKNIKAL

TECHNICAL NOTES

## 1. Pengenalan

- 1.1 Statistik yang diterbitkan dalam laporan ini adalah berdasarkan Survei Tenaga Buruh (STB) yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). STB dilaksanakan berdasarkan garis panduan dan syor **International Labour Organization (ILO)** dengan merujuk kepada **Surveys of Economically Active Population, Employment, Unemployment and Underemployment: An ILO Manual on Concepts and Methods**.
- 1.2 Survei yang dijalankan setiap bulan ini menyediakan statistik tenaga buruh, guna tenaga dan pengangguran di peringkat nasional dan negeri serta kawasan bandar dan luar bandar.
- 1.3 Pengumpulan dan prosesan data mengekalkan pendekatan yang menyeluruh dan sistematik dari semasa ke semasa untuk mendapatkan perbandingan statistik siri masa.
- 1.4 Maklumat yang dikumpul melalui STB adalah mengikut peruntukan **Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989)**. **Seksyen 6** dibawah Akta ini mengkehendaki mana-mana individu perlu memberikan butiran maklumat sebenar atau anggaran terbaik kepada DOSM. Sementara itu, **Seksyen 7** dalam Akta yang sama memperuntukan denda kepada responden yang gagal memberi kerjasama dalam perlaksanaan penyiasatan oleh DOSM. Mengikut Akta ini, maklumat terperinci yang dikumpul adalah sulit dan hanya angka agregat diterbitkan.
- 1.5 Nota teknikal ini menyediakan penerangan terperinci mengenai konsep, definisi dan metodologi yang digunakan dalam pelaksanaan STB bagi membantu pengguna untuk memahami dengan lebih mendalam berkaitan maklumat pasaran buruh yang dipungut melalui pendekatan isi rumah.

## 2. Objektif survei

- 2.1 Objektif utama STB ialah:
  - i. Mengumpul maklumat berkaitan struktur dan taburan tenaga buruh, guna tenaga dan pengangguran; dan
  - ii. Menyediakan statistik terkini berkaitan situasi pasaran buruh dari aspek penawaran tenaga buruh
- 2.2 Statistik daripada survei ini digunakan terutamanya oleh kerajaan sebagai input dalam merangka strategi pembangunan negara; begitu juga ahli ekonomi, ahli akademik, sektor swasta dan individu sebagai tujuan penyelidikan dan analisis.

## 3. Kaedah pengumpulan data

- 3.1 STB menggunakan kaedah temu ramah bersemuka dengan responden. Dalam tempoh survei, penemuramah terlatih melawat isi rumah di tempat kediaman (TK) yang terpilih untuk memperolehi maklumat demografi semua ahli isi rumah dan maklumat terperinci berkaitan butir-butir tenaga buruh bagi ahli isi rumah yang berumur 15 tahun dan lebih.

- 3.2 Semakan kerja luar dibuat untuk mengesan dan memperbaiki kemungkinan maklumat yang salah atau tertinggal semasa penyiasatan ini dijalankan. Di samping itu, isi rumah terpilih juga ditemuramah semula untuk menyemak kualiti operasi pungutan data.
- 3.3 Sebanyak 25 peratus daripada panel ulangan terpilih ditemuramah menggunakan kaedah **Computer-Assisted Telephone Interviewing (CATI)**<sup>1</sup>.

#### 4. Skop dan liputan

- 4.1 STB meliputi kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar bagi daerah pentadbiran dalam semua negeri di Malaysia.
- 4.2 Definisi populasi survei meliputi penduduk yang tinggal di TK persendirian dan **tidak termasuk** mereka yang tinggal di TK institusi seperti hotel, asrama, hospital, penjara, rumah tumpangan dan pekerja yang tinggal di rumah kongsi.
- 4.3 Tiada penyelarasan dilakukan kepada penduduk yang tinggal di TK institusi untuk diasingkan daripada anggaran penduduk pertengahan tahun selepas banci walaupun STB tidak meliputi penduduk tersebut. Berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan 2010, penduduk yang tinggal di TK institusi adalah kurang daripada empat peratus daripada jumlah penduduk. Peratusan ini adalah kecil dan tidak mempengaruhi anggaran statistik tenaga buruh.
- 4.4 STB merangkumi penduduk yang aktif dan tidak aktif dalam ekonomi yang berumur **15 hingga 64 tahun**<sup>2</sup>. Penduduk yang aktif dalam ekonomi terdiri daripada mereka yang bekerja atau menganggur, manakala mereka yang tidak aktif dikelaskan sebagai di luar tenaga buruh.

#### 5. Rangka dan pensampelan

- 5.1 Rangka yang digunakan bagi pemilihan sampel STB Suku Tahun Ketiga 2023 adalah berdasarkan Rangka Pensampelan Isi Rumah yang terdiri daripada blok penghitungan (BP) yang diwujudkan untuk pelaksanaan Banci Penduduk dan Perumahan 2010 dan dikemas kini dari semasa ke semasa.
- 5.2 BP merupakan suatu kawasan muka bumi yang diwujudkan untuk tujuan pelaksanaan operasi pungutan data yang secara puratanya mengandungi antara 80 hingga 120 TK. Semua BP dibentuk dalam lingkungan sempadan yang diwartakan iaitu di dalam mukim atau kawasan majlis tempatan.
- 5.3 BP dalam rangka pensampelan dikelaskan mengikut kawasan bandar dan luar bandar<sup>3</sup>.

##### i. Kawasan bandar

Kawasan yang diwartakan serta kawasan tepu bina yang bersempadan dengannya dan gabungan kedua-dua kawasan ini mempunyai penduduk seramai 10,000 orang atau lebih semasa Banci Penduduk dan Perumahan 2010.

---

1. Computer-Assisted Telephone Interviewing (CATI) adalah satu kaedah moden yang mana pengumpulan data adalah dengan temaramah melalui telefon yang dilengkapi sistem komputer interaktif.
2. Had umur bekerja bagi sesebuah negara ditentukan berdasarkan struktur umur penduduk negara tersebut.
3. Taburan Penduduk dan Ciri-Ciri Asas Demografi, Banci Penduduk dan Perumahan 2010.

- **Kawasan tepu bina**

Kawasan yang terletak bersebelahan kawasan yang diwartakan dan mempunyai sekurang-kurangnya 60 peratus penduduk (berumur 15 tahun dan lebih) yang terlibat dalam aktiviti bukan pertanian.

Definisi kawasan bandar juga mengambil kira kawasan pembangunan khusus iaitu kawasan pembangunan yang tidak diwartakan dan boleh dikenal pasti serta terpisah dari kawasan yang diwartakan atau kawasan tepu bina melebihi 5 km dan mempunyai penduduk sekurang-kurangnya 10,000 orang dengan 60 peratus penduduk (berumur 15 tahun dan lebih) terlibat dalam aktiviti bukan pertanian.

ii. **Kawasan luar bandar**

Kawasan selain yang diwartakan dan mempunyai jumlah penduduk kurang daripada 10,000 orang serta kawasan yang tidak diwartakan.

- 5.4 Pembandaran merupakan proses yang dinamik dan sentiasa berubah mengikut kemajuan dan pembangunan. Oleh itu, kawasan bandar bagi Banci Penduduk dan Perumahan 2000 dan 2010 tidak semestinya merujuk kepada kawasan yang sama kerana kawasan yang memenuhi kriteria bandar akan terus bertambah dan berkembang mengikut masa.

## 6. Konsep dan definisi

- 6.1 Had umur bekerja bagi sesebuah negara ditentukan berdasarkan struktur umur penduduk negara tersebut yang aktif dalam ekonomi. Umur bekerja bagi analisis STB di Malaysia merujuk kepada ahli isirumah yang berumur **15 hingga 64 tahun** semasa minggu rujukan, sama ada berada di dalam tenaga buruh atau di luar tenaga buruh<sup>4</sup>.
- 6.2 STB menggunakan pendekatan **taraf sebenar** yang mana seseorang itu dikelaskan berdasarkan kegiatannya dalam tenaga buruh semasa minggu rujukan. Taraf aktiviti ini terbahagi kepada kategori berikut:

i. **Tenaga buruh**

Tenaga buruh merujuk kepada penduduk dalam kumpulanumur bekerja sama ada bekerja atau **menganggur**.

ii. **Bekerja**

Semua orang yang bekerja sekurang-kurangnya sejam semasa minggu rujukan untuk mendapatkan upah, keuntungan atau keuntungan keluarga sama ada sebagai majikan, pekerja, bekerja sendiri atau pekerja keluarga tanpa gaji. Mereka juga dianggap bekerja jika:

- a. Tidak bekerja semasa minggu rujukan disebabkan sakit, kecederaan, tiada upaya, cuaca buruk, bercuti, pertelingkahan buruh dan sebab-sebab sosial atau keagamaan tetapi mempunyai pekerjaan, ladang, perusahaan atau perusahaan keluarga lain untuk kembali bekerja.
- b. Tidak bekerja buat sementara waktu tetapi bergaji dan pasti akan dipanggil bekerja semula.

4. Surveys of Economically Active Population, Employment, Unemployment and Underemployment: An ILO Manual on Concepts and Methods.

- c. Mereka yang bekerja kurang 30 jam seminggu semasa minggu rujukan disebabkan keadaan kerja atau kerja yang tidak mencukupi.
- d. Mereka yang bekerja dalam keadaan **guna tenaga tidak penuh**:
  - **Guna tenaga tidak penuh berkaitan masa** merupakan kumpulan yang bekerja kurang daripada 30 jam semasa minggu rujukan disebabkan keadaan kerja atau kerja yang tidak mencukupi dan berkeupayaan serta sanggup menerima tambahan bilangan jam bekerja.
  - **Guna tenaga tidak penuh berkaitan kemahiran** mereka yang mempunyai pendidikan tertiar dan bekerja dalam kategori separuh mahir dan berkemahiran rendah.

Mereka yang bekerja **lebih daripada 30 jam** semasa minggu rujukan merupakan **guna tenaga penuh**.

- e. Bekerja semasa menjalani latihan atau aktiviti peningkatan kemahiran yang diperlukan oleh pekerjaan contohnya mereka yang mengikuti program Reskilling and Upskilling. (merujuk laporan III, ICLS 19<sup>th</sup>).
- f. Perantis atau pelatih yang menerima bayaran tunai atau barang seperti pelajar praktikal yang berbayar. (merujuk laporan III, ICLS 19<sup>th</sup>).

### iii. **Menganggur**

Penganggur adalah mereka yang tidak bekerja semasa minggu rujukan dan dikelaskan kepada dua kumpulan iaitu penganggur aktif dan penganggur tidak aktif.

**Penganggur aktif** adalah mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan dalam minggu rujukan.

**Penganggur tidak aktif** adalah mereka yang berada dalam kategori berikut:

- a. Tidak mencari pekerjaan dalam minggu rujukan kerana percaya tidak terdapat pekerjaan atau pun tidak berkelayakan;
- b. Mungkin mencari pekerjaan jika tidak kerana sakit atau keadaan cuaca; dan
- c. Telah mencari pekerjaan sebelum minggu rujukan dan sedang menunggu jawapan permohonan pekerjaan.

### iv. **Luar tenaga buruh**

Penduduk yang tidak dikelaskan sebagai bekerja atau menganggur dikategorikan sebagai **luar tenaga buruh**. Kategori ini terdiri daripada suri rumah, pelajar (termasuk mereka yang akan melanjutkan pelajaran), mereka yang telah bersara, tidak berkeupayaan dan mereka yang tidak berminat untuk mencari pekerjaan. Merujuk kepada ICLS ke 19, Perantis atau pelatih yang tidak menerima bayaran tunai atau barang juga termasuk di dalam golongan ini. Ini

### **6.3 Kumpulan etnik**

Kumpulan etnik dikategorikan di kalangan warganegara Malaysia setelah mengasingkan bukan warganegara. Pengelasan tersebut adalah seperti berikut:

#### **i. Warganegara Malaysia**

- a. Bumiputera
- b. Cina
- c. India
- d. Lain-lain

#### **ii. Bukan warganegara Malaysia**

### **6.4 Pencapaian pendidikan**

Merujuk kepada peringkat tertinggi seseorang itu telah menamatkan atau sedang mengikuti persekolahan di institusi pendidikan awam atau swasta yang menyediakan pendidikan rasmi dan dikategorikan seperti berikut:

#### **i. Tiada pendidikan rasmi**

Merujuk kepada mereka yang tidak pernah menghadiri mana-mana institusi pendidikan yang memberi pendidikan secara rasmi.

#### **ii. Rendah**

Merujuk kepada mereka yang telah mencapai pendidikan tertinggi di peringkat Tahun 1 hingga 6 atau yang setaraf.

#### **iii. Menengah**

Merujuk kepada mereka yang telah mencapai pendidikan tertinggi di peringkat Tingkatan 1 hingga 5 (termasuk kelas peralihan), *General Certificate of Education (GCE) O Level* atau yang setaraf. Ini termasuk program kemahiran asas di institusi latihan kemahiran khusus dan teknikal dengan tempoh pengajian sekurang-kurangnya enam bulan.

#### **iv. Tertiari**

Merujuk kepada mereka yang telah mencapai pendidikan tertinggi selepas Tingkatan 5.

### **6.5 Taraf pekerjaan**

Merujuk kepada **kedudukan atau taraf seseorang** yang bekerja di dalam pertubuhan atau organisasi di mana beliau bekerja dan disesuaikan berdasarkan *International Classification of Status in Employment (ICSE-93)*. Penduduk bekerja dikelaskan mengikut taraf pekerjaan seperti berikut:

#### **i. Majikan**

Seorang yang menjalankan sesuatu perniagaan, perusahaan ladang atau perniagaan lain dan menggaji seorang pekerja atau lebih untuk menolongnya.

#### **ii. Pekerja**

Seorang yang bekerja untuk majikan sektor awam atau swasta dan menerima ganjaran tetap seperti upah, gaji, komisen, tip atau ganjaran berbentuk mata benda.

**iii. Bekerja sendiri**

Seorang yang mengusahakan ladang, perniagaan atau perusahaan sendiri tanpa menggaji pekerja di ladang, perniagaan atau perusahaannya.

**iv. Pekerja keluarga tanpa gaji**

Seorang yang bekerja tanpa menerima sebarang bayaran atau upah di ladang, perniagaan atau perusahaan yang dijalankan oleh ahli keluarganya yang lain.

**6.6 Pekerjaan**

- i. Pekerjaan bagi data STB 2011 - 2015 dikelaskan mengikut klasifikasi **Piawaian Pengelasan Pekerjaan Malaysia (MASCO) 2008** berasaskan *International Standard Classification of Occupations (ISCO-08)* seperti berikut:

- 1 – Pengurus
- 2 – Profesional
- 3 – Juruteknik dan profesional bersekutu
- 4 – Pekerja sokongan perkeranian
- 5 – Pekerja perkhidmatan dan jualan
- 6 – Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan, dan perikanan
- 7 – Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan
- 8 – Operator loji dan mesin serta pemasang
- 9 – Pekerjaan asas

- ii. Pekerjaan bagi data STB 2016 - 2021 dikelaskan mengikut klasifikasi **MASCO 2013** berasaskan *ISCO-08* tetapi ditambahbaik selaras dengan transformasi proses kerja, bidang pengkhususan suatu tugas dan kemahiran yang lebih kompleks dan dinamik. Pengelasan pekerjaan berasaskan **MASCO 2013** adalah seperti berikut:

- 1 – Pengurus
- 2 – Profesional
- 3 – Juruteknik dan profesional bersekutu
- 4 – Pekerja sokongan perkeranian
- 5 – Pekerja perkhidmatan dan jualan
- 6 – Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan, dan perikanan
- 7 – Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan
- 8 – Operator loji dan mesin serta pemasang
- 9 – Pekerjaan asas

- iii. Pekerjaan bagi data STB 2022 - 2023 dikelaskan mengikut klasifikasi **MASCO 2020** berasaskan *ISCO-08* seperti berikut:

- 0 – Angkatan tentera
- 1 – Pengurus
- 2 – Profesional
- 3 – Juruteknik dan profesional bersekutu
- 4 – Pekerja sokongan perkeranian
- 5 – Pekerja perkhidmatan dan jualan
- 6 – Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan, dan perikanan
- 7 – Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan

- 8 – Operator loji dan mesin serta pemasang
  - 9 – Pekerjaan asas
- ii. Bagi seseorang yang mempunyai lebih daripada satu pekerjaan, hanya **pekerjaan yang mengambil masa terbanyak** semasa tempoh rujukan dianggap sebagai **pekerjaan utamanya**. Jika masa bekerja bagi tiap-tiap pekerjaan itu sama, maka pekerjaan yang menghasilkan pendapatan tertinggi adalah pekerjaan utamanya. Dalam kes di mana bilangan jam bekerja dan pendapatannya adalah sama bagi setiap pekerjaan, **pekerjaan di mana dia telah bekerja paling lama** dianggap sebagai **pekerjaan utamanya**.

### 6.7 Kadar penyertaan tenaga buruh

Aktiviti ekonomi penduduk pada keseluruhannya bergantung kepada ciri-ciri demografi sesuatu populasi. Dengan itu, pecahan mereka yang aktif secara ekonomi berbeza di antara kumpulan-kumpulan kecil penduduk tersebut. Perbezaan ini diukur dengan kadar aktiviti tertentu yang dikenali sebagai **kadar penyertaan tenaga buruh**.

Kadar penyertaan tenaga buruh ditakrifkan sebagai perkadaran penduduk dalam tenaga buruh kepada penduduk dalam umur bekerja (15 - 64 tahun) dalam bentuk peratusan. Formulanya adalah seperti berikut:

$$\text{Kadar penyertaan tenaga buruh} = \frac{\text{Bilangan penduduk dalam tenaga buruh}}{\text{Bilangan penduduk umur bekerja (15 - 64 tahun)}} \times 100$$

### 6.8 Kadar pengangguran

Kadar pengangguran ialah perkadaran penduduk yang menganggur kepada jumlah penduduk di dalam tenaga buruh. Kadar ini mengukur peratus penduduk di dalam tenaga buruh yang tidak bekerja. Kadar pengangguran dikira menggunakan formula berikut:

$$\text{Kadar pengangguran} = \frac{\text{Bilangan penganggur}}{\text{Bilangan penduduk dalam tenaga buruh}} \times 100$$

### 6.9 Nisbah guna tenaga kepada penduduk

Nisbah guna tenaga kepada penduduk adalah perkadaran penduduk yang bekerja kepada jumlah penduduk dalam kumpulan umur bekerja. Nisbah yang tinggi menunjukkan perkadaran penduduk bekerja yang tinggi bagi negara manakala nisbah yang rendah menunjukkan sebahagian besar daripada penduduk tidak terlibat secara langsung dalam aktiviti pasaran kerana menganggur atau berada di luar tenaga buruh. Formulanya adalah seperti berikut:

$$\text{Nisbah guna tenaga kepada penduduk} = \frac{\text{Bilangan penduduk bekerja}}{\text{Bilangan penduduk umur bekerja (tahun 64 - 15)}} \times 100$$

## **7. Pembundaran dan anggaran**

Hasil tambah bagi sesuatu kategori mungkin tidak sentiasa sama dengan jumlah yang ditunjukkan dalam jadual yang berkaitan kerana pembundaran secara bebas kepada satu titik perpuluhan. Walau bagaimanapun, perbezaan ini tidak ketara.

## **8. Nota dan simbol**

- Kosong/ tiada kes
- 0.0 Kurang daripada setengah unit terkecil yang ditunjukkan. Misalnya, kurang daripada 0.05 peratus.

## 1. Introduction

- 1.1 The statistics published in this report is based on Labour Force Survey (LFS) conducted by Department of Statistics, Malaysia. The implementation of LFS is based on the guidelines and recommendations of the **International Labour Organization (ILO)** with reference to the **Surveys of Economically Active Population, Employment, Unemployment and Underemployment: An ILO Manual on Concepts and Method**.
- 1.2 The survey is carried out every month provides statistics of labour force, employment and unemployment at the national and state levels as well as urban and rural areas.
- 1.3 The comprehensive and systematic approach in data collection and processing has been maintained over a period of time in order to obtain comparable time series statistics.
- 1.4 The information obtained from LFS is gathered under the provisions of the **Statistics Act 1965 (Revised 1989)**. Section 6 of this Act requires any individuals to provide actual information or best estimates to DOSM. Meanwhile, Section 7 of this Act allows respondents whom refuse to cooperate in the undertaking of the survey to be penalised. The Act stipulated that the detailed information gathered is confidential and only aggregated figures are published.
- 1.5 This technical note comprises of detailed explanation on concepts, definition and methodology used to conduct LFS to assist users to better understand labour market information obtained via household approach.

## 2. Objectives of the survey

- 2.1 The main objectives of LFS are:
  - i. To collect information on the structure and distribution of labour force, employment and unemployment; and
  - ii. To provide the latest statistics in relation to labour market situation from the perspective of labour supply.
- 2.2 The statistics from this survey is utilised especially by the government as input in planning national developments strategies; as well as by economists, academicians, private sector and individuals for the purpose of research and analysis.

## 3. Method of data collection

- 3.1 LFS uses the personal interview method. During the survey period, trained interviewers visit households in selected living quarters (LQs) to collect demographic information on all household members and labour force particulars of household members aged 15 years and over.
- 3.2 Field checks are undertaken to identify and correct any possibility of errors or omissions at the time when the survey is conducted. In addition to this, selected households are interviewed again to check the quality of data collection operation.

- 3.3 25 percent repeated panels were interviewed via **Computer-Assisted Telephone Interviewing (CATI)**<sup>1</sup>.

#### 4. Scope and coverage

- 4.1 The LFS covers both urban and rural areas for all administrative districts within all states in Malaysia.
- 4.2 The survey population is defined to cover persons who live in private LQs; hence excludes persons residing in institutional LQs such as hotels, hostels, hospitals, prisons, boarding houses, and workers residing in construction work site.
- 4.3 There is no attempt was made to adjust the exclusion of the population living in institutional LQs from the independent mid-year post census population estimates, although the LFS did not cover that population. Based on the 2010 Population and Housing Census, those living in institutional LQs was less than four per cent of the total population. This percentage was small and did not affect the estimates of labour force statistics.
- 4.4 This survey comprises the economically active and inactive population between the age of 15 to 64 years<sup>2</sup>. The economically active population are those who are either employed or unemployed while those who are inactive are classified as outside labour force.

#### 5. Sampling frame

- 5.1 The frame used for the selection of sample for LFS Third Quarter 2023 is based on the Household Sampling Frame which is made up of renumeration blocks (EBs) created for the 2010 Population and Housing Census and was updated from time to time.
- 5.2 EBs are geographically contiguous areas of land with identifiable boundaries created for survey operation purposes, which on average contains about 80 to 120 LQs. All EBs are formed within gazetted boundaries, i.e. within mukim or local authority areas.
- 5.3 The EBs in the sampling frame are also classified into urban and rural areas<sup>3</sup>.

##### i. Urban areas

Gazetted areas with their adjoining built-up areas with combined population of 10,000 or more at the time of the 2010 Population and Housing Census.

- **Built-up areas**

Areas contiguous to a gazetted area with at least 60 per cent of the population (aged 15 years and over) engaged in non-agricultural activities.

The definition of urban areas also takes into account the special development area namely the development area which is not gazetted and can be identified and separated from the gazetted area or built-up area of more than 5 km with population of at least 10,000 persons where 60 per cent of the population (aged 15 years and over) were involved in non-agricultural activities.

1. Computer-Assisted Telephone Interviewing (CATI) is a modern method of data collection through telephone interview equipped with interactive computer system.

2. Working age limit for a country is determined based on the age structure of the population of the country.

*ii. Rural areas*

All other gazetted areas with population of less than 10,000 persons and non-gazetted areas.

- 5.4 Urbanisation is a dynamic process and keeps changing in line with progress and development. Thus, the urban areas for the Population and Housing Census 2000 and 2010 do not necessarily refer to the same areas, as areas fulfilling the criteria of urban continue to increase or grow with time.

**6. Concepts and definitions**

6.1 The working age limit for a country is determined based on the age structure of the economically active population of the country. Working age for the analysis of LFS in Malaysia refers to household members between the age of **15 to 64 years** during the reference week, who are either in the labour force or outside the labour force<sup>4</sup>.

6.2 The LFS uses the actual status approach, where a person is classified on the basis of labour force activity during the reference week. The activity status is categorised as follows:

*i. Labour force*

Labour force refers to population in the working age group of 15 to 64 years who are either employed or unemployed.

*ii. Employed*

All persons who, at any time during the reference week worked at least one hour for pay, profit or family gain either as an employer, employee, own-account worker or unpaid family worker. They are also considered as employed if they:

a. Did not work during the reference week because of illness, injury, disability, bad weather, leave, labour dispute and social or religious reasons but had a job, farm, enterprise or other family enterprise to return to.

b. Were temporary laid-off with pay and would definitely be called back to work.

c. Were employed less than 30 hours per week during the reference week because of the nature of their work.

d. Were employed in the category of **underemployment**:

- **Time-related underemployment** were a group of people who employed less than 30 hours during the reference week because of the nature of their work or due to insufficient work and are able and willing to accept additional hours of work.

- **Skill-related underemployment** were those with tertiary education and working in the semi-skilled and low-skilled categories

Persons who were employed **more than 30 hours** during the reference week are considered to be in **full employment**.

3. Population Distribution and Basic Demographic Characteristics, 2010 Population and Housing Census.

- e. **Person who works for pay or profit while on training or skills-enhancement activities** required by the job or for another job for example those who follow Reskilling and Upskilling programs. This refers to the 19th International Conference of Labour Statisticians (ICLS).
- f. **Apprentices, interns or trainees** who work for **pay in cash or in kind such as paid practical students**. This also refers to the 19th ICLS.

### iii. **Unemployed**

The unemployed are those who did not work during the reference week and are classified into two groups that is the actively unemployed and inactively unemployed.

The **actively unemployed** include all persons who were available for work and were actively looking for work during the reference week.

**Inactively unemployed** persons include those in the following categories:

- a. Did not look for work because they believed no work was available or that they were not qualified.
- b. Would have looked for work if they had not been temporarily ill or had it not been for weather condition; and
- c. Had looked for work prior to the reference week and were waiting for result of job applications.

### iv. **Outside labour force**

All persons not classified as employed or unemployed are classified as **outside labour force**. This category consists of housewives, students (including those going for further studies), retired, disabled persons and those not interested in looking for a job. Referring to the 19th ICLS, apprentices or trainees who do not receive cash or goods are also included in this group.

## 6.3 **Ethnic group**

The ethnic group is categorised within Malaysian citizens after separating those who are non-citizens. The classification is as follows:

### i. **Malaysian citizens**

- a. Bumiputera
- b. Chinese
- c. Indians
- d. Others

### ii. **Non-Malaysian citizens**

4. Survey of Economically Active Population, Employment, Unemployment and Underemployment: An ILO Manual on Concepts and Methods.

#### **6.4 Educational attainment**

Refers to the highest level in which a person has completed schooling or is currently attending school in a public or private educational institution that provides formal education and is categorised as follows:

*i. No formal education*

Refers to persons who have never attended school in any of the educational institutions that provide formal education.

*ii. Primary*

Refers to those whose highest level of education attained is from Standard 1 to 6 or equivalent.

*iii. Secondary*

Refers to those whose highest level of education attained is from Form 1 to 5 (including remove class), General Certificate of Education (GCE) O Level or equivalent. This includes basic skill programmes in specific trades and technical skills institutions with the training period of at least six months.

*iv. Tertiary*

Refers to those whose highest level of education is above Form 5.

#### **6.5 Status in employment**

Refers to the position or status of an employed person within the establishment or organisation for which he/she worked and is adapted based on the **International Classification of Status in Employment (ICSE-93)**. Employed persons are classified according to the following employment status:

*i. Employer*

A person who operates a business, a plantation or other trade and employs one or more workers to help him.

*iii. Employee*

A person who works for a public or private employer and receives regular remuneration in wages, salary, commission, tips or payment in kind.

*iii. Own account worker*

A person who operates his own farm, business or trade without employing any paid workers in the conduct of his farm, trade or business.

*iv. Unpaid family worker*

A person who works without pay or wages on a farm, business or trade operated by another member of the family.

## 6.6 Occupation

i. Occupation data of LFS 2011 - 2015 is classified according to **Malaysia Standard Classification of Occupations (MASCO) 2008** based on the **International Standard Classification of Occupations (ISCO-08)** as follows:

- 1 – Managers
- 2 – Professionals
- 3 – Technicians and associate professionals
- 4 – Clerical support workers
- 5 – Service and sales workers
- 6 – Skilled agricultural, forestry, livestock and fishery workers
- 7 – Craft and related trades workers
- 8 – Plant and machine-operators and assemblers
- 9 – Elementary occupations

ii. Occupation data of LFS 2016 - 2021 is classified according to **MASCO 2013** based on the **ISCO-08** but was improved in line with the transformation of work process and areas of specialisation as well as the complexity and dynamics in skills and tasks. The classification of occupation based on **MASCO 2013** is as follows:

- 1 – Managers
- 2 – Professionals
- 3 – Technicians and associate professionals
- 4 – Clerical support workers
- 5 – Service and sales workers
- 6 – Skilled agricultural, forestry, livestock and fishery workers
- 7 – Craft and related trades workers
- 8 – Plant and machine-operators and assemblers
- 9 – Elementary occupations

iii. Occupation data of LFS 2021 - 2022 is classified according to **MASCO 2020** based on the **ISCO-08** as follows:

- 0 – Armed forces occupation
- 1 – Managers
- 2 – Professionals
- 3 – Technicians and associate professionals
- 4 – Clerical support workers
- 5 – Service and sales workers
- 6 – Skilled agricultural, forestry, livestock and fishery workers
- 7 – Craft and related trades workers
- 8 – Plant and machine-operators and assemblers
- 9 – Elementary occupations

ii. For a person having more than one job, only the job at which he worked for the **longest number of hours** during the reference week is treated as his **principal occupation**. Should the number of hours worked for each job is the same, then the job with the highest income is the principal occupation. In cases where the number of hours worked and the income earned from each job are the same, the job at which he was **working**

*for the longest period of time is considered as the principal occupation.*

### 6.7 Labour force participation rate

The economic activity of a population depends on the demographic characteristics of that population. Therefore, the proportion of economically active persons differs between sub-groups of that population. These variations are measured by specific activity rates termed **labour force participation rate**.

Labour force participation rate is defined as the ratio of the labour force to the working age population (15 - 64 years), expressed as percentage. The formula is as follow:

$$\text{Labour force participation rate} = \frac{\text{Number of persons in the labour force}}{\text{Number of persons in the working age}} \times 100 \\ (15 - 64 \text{ years})$$

### 6.8 Unemployment rate

Unemployment rate is the proportion of unemployed population to the total population in labour force. This rate measures the percentage of unemployed population in labour force. Unemployment rate is computed by using the formula below:

$$\text{Unemployment rate} = \frac{\text{Number of unemployed persons}}{\text{Number of persons in the labour force}} \times 100$$

### 6.9 Employment to population ratio

The employment to population ratio is defined as the proportion of employed population to working-age population. A high ratio means that a large proportion of the country's population is employed while a low ratio means that a large share of the population is not involved directly in market-related activities due to being unemployed or out of the labour force. The formula is as follow:

$$\text{Employment to population ratio} = \frac{\text{Number of employed persons}}{\text{Number of persons in the working age (15 - 64 years)}} \times 100$$

## 7. Rounding of estimates

The sum of each category may not always equal to the totals shown in related tables because of independent rounding to one decimal place. However, the differences are not obvious.

## 8. Notes and symbols

- Nil/no cases
- 0.0 Less than half the smallest unit shown. For example, less than 0.05 per cent.

**PENERBITANINI BOLEH JUGA DIPEROLEH DI JABATAN PERANGKAAN NEGERI SEPERTI BERIKUT:**  
**THIS PUBLICATION IS ALSO AVAILABLE AT THE FOLLOWING STATS DEPARTMENT OF STATISTICS:**

Pengarah,  
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Johor,  
Tingkat 14, Menara Tabung Haji,  
Jalan Air Molek,  
80000 Johor Bahru, Johor.  
Tel. : 07-225 3700  
Faks : 07-224 9972  
E-mel : jpjohor@dosm.gov.my

Pengarah,  
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kedah,  
Aras 1, Zon C, Wisma Persekutuan,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
Bandar Muadzam Shah,  
06550 Anak Bukit, Alor Setar, Kedah.  
Tel. : 04-700 1240  
Faks : 04-733 8412  
E-mel : jpkedah@dosm.gov.my

Pengarah,  
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kelantan,  
Tingkat 8, Bangunan Persekutuan,  
Jalan Bayam,  
15514 Kota Bharu, Kelantan.  
Tel. : 09-741 9449  
Faks : 09-748 2142  
E-mel : jpkelantan@dosm.gov.my

Pengarah,  
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Melaka,  
Aras 7 & 8, Wisma Persekutuan,  
Jalan MITC, Hang Tuah Jaya,  
75450, Ayer Keroh, Melaka.  
Tel. : 06-252 2725  
Faks : 06-252 2711  
E-mel : jpmelaka@dosm.gov.my

Pengarah,  
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sembilan,  
Tingkat 12, Wisma Persekutuan,  
Jalan Dato' Abdul Kadir,  
70000 Seremban, Negeri Sembilan.  
Tel. : 06-765 5000  
Faks : 06-765 5002  
E-mel : jpnsembilan@dosm.gov.my

Pengarah,  
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Pahang,  
Tingkat 7, Bangunan Persekutuan,  
Jalan Gambut,  
25000 Kuantan, Pahang.  
Tel. : 09-516 3931/7  
Faks : 09-514 4636  
E-mel : jppahang@dosm.gov.my

Pengarah,  
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Pulau Pinang,  
Tingkat 6, Bangunan Persekutuan,  
10400 Jalan Anson, Pulau Pinang.  
Tel. : 04-226 6244  
Faks : 04-229 9499  
E-mel : jppulaupinang@dosm.gov.my

Pengarah,  
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Perak,  
Tingkat 3, Blok A, Bangunan Persekutuan Ipoh,  
Jalan Dato' Seri Ahmad Said (Greentown),  
30450 Ipoh, Perak.  
Tel. : 05-255 4963  
Faks : 05-255 1073  
E-mel : jpperak@dosm.gov.my

Pengarah,  
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Perlis,  
Tingkat 1, Bangunan Perodua Kangar,  
No. 2C, Persiaran Jubli Perak  
01000 Kangar, Perlis.  
Tel. : 04-976 7381/976 9025  
Faks : 04-976 8950  
E-mel : jpperlis@dosm.gov.my

Pengarah,  
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Selangor,  
Tingkat 9, Bangunan Darul Ehsan,  
Jalan Indah, Seksyen 14,  
40000 Shah Alam, Selangor.  
Tel. : 03-5515 0200  
Faks : 03-5518 0408  
E-mel : jpselangor@dosm.gov.my

Pengarah,  
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Terengganu,  
Tingkat 9, Wisma Persekutuan,  
Jalan Sultan Ismail,  
20200 Kuala Terengganu, Terengganu.  
Tel. : 09-622 3062  
Faks : 09-622 9659  
E-mel : admin\_jptrg@dosm.gov.my

Pengarah,  
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sabah,  
Tingkat 1-3, Blok C,  
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah,  
Jalan UMS, Beg Berkunci No. 2046,  
88999 Kota Kinabalu, Sabah.  
Tel. : 088-484 602  
Faks : 088-484 659  
E-mel : jpsabah@dosm.gov.my

Pengarah,  
Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sarawak,  
Tingkat 7 & 8, Bangunan Tun Datuk Patinggi  
Tuanku Haji Bujang, Jalan Simpang Tiga,  
93514 Kuching, Sarawak.  
Tel. : 082-240 287  
Faks : 082-242 609  
E-mel : sarawak@dosm.gov.my

Pengarah,  
Jabatan Perangkaan Malaysia  
Wilayah Persekutuan,  
Tingkat 14 & 15, Wisma FGV,  
Jalan Raja Laut,  
50350 Kuala Lumpur.  
Tel. : 03-2267 2400  
Faks : 03-2274 5075  
E-mel : jpwpkl@dosm.gov.my

**Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong**  
*This page is deliberately left blank*